



28 Februari 2018
28 February 2018
P.U. (A) 61

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH RACUN MAKHLUK PEROSAK (PENGECUALIAN) 2018

PESTICIDES (EXEMPTION) ORDER 2018

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA RACUN MAKHLUK PEROSAK 1974

PERINTAH RACUN MAKHLUK PEROSAK (PENGECUALIAN) 2018

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 59 Akta Racun MakhluK Perosak 1974 [*Akta 149*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Racun MakhluK Perosak (Pengecualian) 2018**.

Pengecualian

2. (1) Tertakluk kepada subperenggan (2) dan (3), Menteri mengecualikan Hextar Chemicals Sdn. Bhd. (Nombor Pendaftaran Syarikat : 133061-V) berhubung dengan racun makhluK perosak Plane 20 EC daripada kehendak—

- (a) untuk mendaftarkan racun makhluK perosak itu di bawah seksyen 7 Akta;
- (b) bagi suatu lesen untuk mengilang racun makhluK perosak itu di bawah seksyen 15 Akta;
- (c) bagi suatu lesen untuk menjual atau menyimpan bagi jualan racun makhluK perosak itu di bawah seksyen 17 Akta; dan
- (d) untuk mendaftarkan pemilikan atau penggunaan racun makhluK perosak itu di bawah perenggan 53A (1)(a) Akta.

(2) Pengecualian yang disebut dalam subperenggan (1) diberikan mulai 1 Mac 2018 hingga 1 Mac 2019 melainkan dibatalkan terlebih dahulu oleh Lembaga.

(3) Pengecualian yang disebut dalam subperenggan (1) hendaklah tertakluk kepada syarat seperti yang berikut:

- (a) racun makhluk perosak yang disebut dalam subsubperenggan (1)(a) hendaklah dilabelkan sebagaimana yang ditetapkan oleh Lembaga;
- (b) racun makhluk perosak itu hanya dibenarkan dijual kepada Delphina Teknik Sdn. Bhd. (Nombor Pendaftaran Syarikat : 933670-A) semata-mata bagi tawaran perkhidmatan kerja-kerja penyahserangkaian pesawat udara bagi AirAsia Berhad (Nombor Pendaftaran Syarikat: 284669-W) di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur;
- (c) kerja-kerja penyahserangkaian itu sebagaimana yang disebut dalam subsubperenggan (3)(b) hendaklah dijalankan oleh seorang pemakai racun makhluk perosak berlesen atau seorang pembantu pemakai racun makhluk perosak berlesen di bawah penyeliaan sendiri seorang pemakai racun makhluk perosak berlesen sebagaimana yang ditakrifkan dalam subkaedah 2 Kaedah-Kaedah Racun Makhluk Perosak (Pengendali Kawalan Makhluk Perosak) 2004 [*P. U. (A) 70/2004*] yang diambil khidmat oleh Delphina Teknik Sdn. Bhd.;
- (d) racun makhluk perosak itu dilarang diiklankan oleh mana-mana orang; dan
- (e) amaun racun makhluk perosak yang dikilang dan dijual itu hendaklah dilaporkan kepada Lembaga tiap-tiap bulan.